

2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. **SP 5.6.1**

ARAS 5 Tema 4 Tema 14

- (i) Berita tentang kehilangan seorang gadis kerana rakan melarikan yang baru dikenalnya melalui laman sosial Facebook menggemparkan orang ramai.
- (ii) Kelemahan pembelian urus niaga dalam talian ialah pembeli tidak dapat meneliti atau memeriksa barang yang dibeli kerana melihat gambar atau video sahaja.
- (iii) Antara faktor golongan remaja merokok adalah kerana terpengaruh dengan rakan sebaya untuk sesuatu yang baharu mencuba dalam kehidupan mereka.

[3 markah]

3 Tukar ayat cakap ajuk di bawah ini kepada ayat cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya. **SP 5.5.1**

ARAS 5 Tema 15

- (i) "Pada pendapat kamu, apakah kepentingan memajukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia?" tanya Cikgu Azilah kepada Hartini.
- (ii) "Awak tidak boleh melanggar peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Taman Laut Malaysia semasa aktiviti bersnorkel dan selam skuba," kata pemuda itu kepada rakannya.
- (iii) "Kamu perlu melakukan penilaian risiko sebelum melancong ke luar negara agar terhindar daripada masalah kesihatan dan keselamatan," pesan Puan Marina kepada anak gadisnya.

[3 markah]

4 Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan gambar tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai. **SP 4.2.1**

ARAS 5 Tema 16



- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]